

24 FEB 2003

NAM-Afghanistan/I

AFGHANISTAN YAKIN BANTUAN BERTERUSAN DARIPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Presiden Afghanistan Abdul Hamid Karzai hari ini berkata kerajaannya yakin masyarakat antarabangsa akan terus membantu negara itu walaupun perhatian dunia kini beralih ke Iraq.

Katanya beliau telah mendapat jaminan bagi bantuan berterusan itu daripada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, Perdana Menteri British Tony Blair, Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan negara-negara seperti Jerman dan Belanda.

"Bagi Afghanistan, perhatian negara-negara penyumbang akan terus bersama Afghanistan," katanya kepada sekumpulan wartawan Malaysia di luar Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini.

Beliau ditanya sama ada perang yang dicadang dilancarkan Amerika Syarikat ke atas Iraq akan mengalihkan tumpuan masyarakat antarabangsa daripada Afghanistan.

Presiden itu berkata masyarakat antarabangsa telah menjanjikan bantuan US\$1.8 bilion (RM6.8 bilion) bagi 2002 dan sebahagian besar jumlah itu telah diberikan kepada Afghanistan menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Afghanistan perlukan US\$15 bilion (RM57 bilion) hingga US\$20 bilion (RM76 bilion) bagi pembangunan dan pemulihan semula negara itu yang musnah akibat perang bagi tempoh lebih 10 tahun akan datang.

Pada Persidangan Antarabangsa Bantuan Pembangunan Semula Rakyat Afghanistan di Tokyo pada Januari tahun lepas yang dihadiri oleh 61 negara, termasuk Malaysia, Kesatuan Eropah dan organisasi-organisasi antarabangsa berjanji untuk menyumbang US\$4.5 bilion (RM17.1 bilion).

Malaysia pula telah menunaikan janjinya untuk memberikan US\$500,000 (RM1.9 bilion).

Karzai berkata kerajaannya berpuas hati dengan aktiviti pembangunan semula yang sedang dilaksanakan di negara yang musnah akibat perang itu dengan negara-negara penyumbang menunjukkan minat untuk membina beberapa lebuhraya.

Beliau berkata AS, Jepun dan Arab Saudi terlibat dalam pembinaan lebuhraya utama manakala Itali telah berjanji untuk membina lebuhraya baru dari Kabul ke bahagian tengah Afghanistan.

Bank Dunia dan Kesatuan Eropah (EU) pula membina lebuhraya lain.

Mengenai Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengambil alih jawatan sebagai Pengerusi NAM, Karzai berkata beliau yakin Malaysia akan menjadi peneraju dinamik kepada pergerakan itu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Saya percaya Malaysia akan menyediakan kepimpinan dinamik bagi NAM," katanya.

-- BERNAMA

RV MFJ RHM